



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FACULTY OF SOCIAL SCIENCES AND
HUMANITIES

TUGASAN INDIVIDU

SEMESTER 1, 2020/2021

TAJUK: WACANA DEKOLONISASI INTELEKTUAL

TOPIK: REPORT WEBINAR

NAMA: CHLOE RACQUELMAE KENNEDY

NO. MATRIK: A20EC0026

NO. K/P: 010711-13-0960

KURSUS/ SECT: UHIS 1022 – 73

TEL: 011-1076-0584

PENGENALAN

Pada 10 Januari 2021 (Sabtu), satu webinar telah berlangsung secara live selama 2 jam di Facebook. Webinar ini membincangkan tentang dekolonisasi intelektual. Moderator webinar tersebut ialah Dr. Nur Najwa Hanani binti Abd Rahman dan panelnya ialah Prof Dr. Kamaruzaman bin Yusoff dan Dr. Nasruddin bin Yunus. Webinar ini dianjurkan bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada pelajar yang mengambil kursus UHIS 1022 dan persediaan kepada mereka dari segi mental dan fizikal dalam memahami isu berkaitan dengan dekolonisasi.

DEFINISI

Kolonisasi merupakan satu idea dan usaha yang dilakukan oleh pihak penjajah yang juga boleh disebut sebagai *colonial* ataupun kuasa imperial. Contohnya, *The White's Man Burden*: orang barat menganggap bahawa mereka bertanggungjawab untuk memodenkan, memajukan orang yang tidak berkulit putih (orang yang tidak bertamadun). Kolonisasi juga dikaitkan dengan usaha mendapatkan sumber asli dan tenaga manusia. Kesan daripada ini adalah berlakunya penghambaan akal budi kepada negara dijajah, menganggap bahawa barang yang dibawa dari barat adalah baik dan melahirkan mentality kolonial.

Dekolonisasi pula berlaku dalam dua bentuk iaitu rundingan dan melalui peperangan menentang penjajah. Proses dekolonisasi ini bertujuan untuk memastikan kuasa autonomi, pembebasan dari segi ekonomi dan politik serta keadilan dikembalikan semula kepada penduduk tempatan. Secara ringkas, dekolonisasi adalah satu proses yang dilakukan oleh pemimpin tempatan untuk memastikan unsur-unsur penjajah dalam pelbagai aspek dapat dikurangkan dan dihapuskan.

DEKOLONISASI PEMIKIRAN

Dekolonisasi pemikiran adalah membebaskan diri daripada pengaruh penjajah dari segi pemikiran. Bahasa merupakan aspek penting dalam dekolonisasi pemikiran kerana bahasa bersifat sarat nilai. Jadi, kita perlu menjaga sempadan mempelajari Bahasa Inggeris supaya nilai yang dibawa dapat dikawal dan disatukan dengan nilai tempatan. Kita juga perlu memperkukuhkan penguasaan bahasa tempatan iaitu Bahasa Melayu dan bahasa dialek. Dari sudut budaya pula, muzik dan hiburan yang sering ditayangkan bersifat barat, ini menyebabkan muzik asli negara kita terpinggir dan mengelirukan identiti sendiri. Seterusnya, kini ramai yang memilih untuk tidak beragama, ini menyebabkan mereka tidak lagi mempunyai hubungan dengan tuhan. Sepatutnya, kita perlu melepaskan diri sendiri daripada pemikiran penjajahan.

NEOKOLONISASI

Neokolonisasi bermaksud mereka datang semula dalam bentuk penjajahan yang baru dari segi penguasaan ketenteraan. Mereka juga menggunakan istilah baru untuk menunjukkan kepada negara yang pernah dijajah bahawa mereka datang dalam bentuk yang lebih baik seperti globalisasi. Ini telah menyebabkan negara ketiga dan negara yang sedang membangun dikuasai semula dari segi ekonomi, teknologi baru dan keselamatan. Mereka mengatakan bahawa mereka ingin memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, melakukan perpindahan teknologi dan memastikan supaya negara-negara tersebut dijamin dan dibantu oleh negara yang maju.

LANGKAH KERAJAAN

Demi mengembalikan citra dan jati diri rakyat yang berbilang kaum di Malaysia, kerajaan perlu mengalakkan orang ramai menyertai aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan mengingatkan rakyat supaya dasar yang telah dilaksanakan perlu dihayati dan dilaksanakan sebaiknya. Dari segi pendidikan, pendidikan kini terlalu fokus terhadap gred dan tidak ambil berat terhadap aspek lain. Sebaliknya, penerapan jati diri perlu dilakukan seawal usia seperti di tadika ketika para pelajar masih buta etnik dan pendidikan rukun negara perlu diterapkan bermula dari sekolah rendah. Selain itu, seni juga perlu diaktifkan sebagai medium untuk membangkitkan citra jati diri.

PERANAN PELAJAR

Peranan pelajar adalah bersedia untuk belajar secara berterusan melalui pendidikan secara formal dan tak formal serta tidak berhenti pengajian setakat habis universiti atau sekolah. Pelajar perlu bersedia untuk menjadi pakar dalam bidang masing-masing dengan mendapat keputusan yang baik dan bijak mengawal tindakan mengikut situasi. Janganlah kita bersifat kejahilan, ini akan menjadikan kita tidak bertoleransi dan berlapang dada dalam usaha membangun negara. Jadi, kita perlu membangkitkan ilmu tempatan yang semakin pupus dan tidak meninggalkan sesiapa dalam pembangunan negara.

KESIMPULAN

Kita sebagai rakyat Malaysia perlu belajar, memahami dan mengamalkan toleransi serta bekerjasama antara kaum lain. Kita juga perlu mempunyai ilmu pengetahuan untuk berfikir dengan baik supaya kita dapat menentukan hala tuju jati diri mengikut acuan pembangunan negara. Setersnya, kita juga perlu fokus pada nilai negara sendiri dan pupuk rasa bangga menjadi rakyat Malaysia supaya kita tidak menjadi mangsa neokolonisasi pada masa akan datang.